

UMS praktik amalan tadbir urus terbaik: Pendaftar

UB 11-4-16 B4

KOTAKINABALU: Amalan tadbir urus terbaik sentiasa dijerapkan dan dilaksana di semua peringkat pentadbiran Universiti Malaysia Sabah (UMS) seperti yang dijelaskan dalam surat Ketua Setiausaha Negara - Garis Panduan bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Awam 2007.

Pendaftar UMS No'man Hj Ahmad (*gambar*) berkata dalam konteks melaksanakan tadbir urus terbaik di UMS, integriti, senses (rasa) dan kehendak akan menjadi aspirasi dalam usaha memacu misi dan visi universiti.

"Sistem penyampaian menjadi berkesan bila semua warga kerja berintegriti, amanah dan bertanggungjawab sama ada semasa adanya ketua atau bila bersendirii.

"Pekerjaan dilaksanakan dengan jujur bukan kerana mengejar markah penilaian prestasi atau ganjaran keduniaan akan tetapi dilaksanakan atas tanggungjawab dengan penuh amanah," katanya ketika berucap pada Majlis Aspirasi Pendaftar (MAP) di Dewan Resital UMS.


Katanya, tadbir urus terbaik di universiti juga boleh dilaksanakan apabila setiap kakitangan mempunyai rasa kepunyaan, rasa kesegeraan, rasa kebertanggungjawaban dan rasa hormat yang tinggi.

"Misalnya, bila setiap daripada kita punya rasa kesegeraan, tindakan akan sentiasa diambil dengan segera. Dengan adanya rasa kebertanggungjawaban, kerja yang dilaksanakan akan dibuat dengan penuh hati-hati dan tidak sambil lewa," katanya.

Majlis yang dihadiri pegawai pentadbiran dan ikhtisas serta kakitangan pelaksana bertujuan mengetengahkan pencapaian Institusi Pentadbiran dan Ikhtisas serta memperincikan hasrat dan hala tuju universiti yang diamanatkan Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, baru-baru ini.

No'man turut mengumumkan beberapa inisiatif bagi mendukung dan melaksanakan Amanat Naib Canselor 2016.

Antaranya, pembangunan bakat berfokus, program sangkutan kakitangan, pengukuhan kompetensi pentadbir, penambahbaikan klasifikasi tugas kakitangan berdasarkan penambahbaikan skim perkhidmatan,



pengukuhan proses kenaikan pangkat serta memperkasa fungsi dan impak penubuhan jawatankuasa pemandu kualiti dan inovasi pentadbiran.

"Sama-sama lah kita terus bertekad cemerlang selaras dengan motto universiti yang kita dukung selama lebih 21 tahun ini. Mulakan hari ini dan hari-hari berikutnya dengan tekad atau niat untuk mencapai hasil kerja yang terbaik," katanya.